

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12/08/2007

Hsien Loong: Kerjasama ekonomi ikut rentak Malaysia

UM - 12/8/2007

SINGAPURA 11 Ogos - Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong berkata, kerjasama Singapura-Malaysia, yang disifatkannya sebagai baik, akan bergerak mengikut tahap yang dirasakan selesa oleh Malaysia.

Beliau berkata, ini termasuklah kerjasama ekonomi dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) yang kedua-dua negara sudah pun menubuhkan satu jawatankuasa bersama peringkat menteri.

"Kami akan membiarkan Malaysia untuk memimpin. Saya berasa ini merupakan satu perancangan yang praktikal dan dalam bidang lain, saya fikir kita patut bergerak sedemikian juga," katanya kepada wartawan Malaysia dan lapan negara anggota ASEAN yang menemuinya di istana di sini semalam.

"Jika tidak, sekiranya kami terlalu mendesak kemungkinan akan wujud beberapa tafsiran yang salah," kata Lee dalam satu sesi media selama 40 minit yang merupakan sebahagian daripada program lawatan lima hari anjuran Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kesenian Singapura sempena sambutan kemerdekaan ke-42 dan Hari ASEAN pada Selasa.

Beliau berkata, sektor swasta kedua-dua negara tahu dan boleh mencari peluang-peluang mereka sendiri dengan syarat hubungan kedua-duanya mesra.

"Dari segi kerajaan dengan kerajaan, kami perlu mencari bidang yang kedua-duanya mahu melaksanakan. Dalam WPI, kami sudah mengadakan jawatankuasa bersama peringkat menteri, bahkan semasa kami menubuhkan jawatankuasa itu, beberapa reaksi timbul di Malaysia," katanya.

Mengulangi bahawa Singapura lebih suka untuk mempunyai kerjasama menang-menang dengan Malaysia, Lee berkata, ini terpulang sepenuhnya kepada Malaysia untuk memimpin kerana tidak mahu kerajaan pimpinannya disalah anggap.

Lee berkata, beliau berharap Malaysia dapat menerima apa sahaja keputusan terhadap pertikaian Pulau Batu Putih antara Singapura dan Malaysia yang akan diputuskan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague pada November.

"Jika keputusan itu memihak Singapura, saya harap Malaysia dapat menerimanya. Sekiranya keputusan itu memihak kepada Malaysia, saya pasti Singapura akan menerimanya," katanya.

Beliau berkata, Malaysia dan Singapura sudah menyelesaikan pertikaian terhadap projek penambakan yang dilakukan Singapura menerusi Tribunal Antabangsa Mengenai Undang-Undang Laut (Itlos) di Hamburg dengan kedua-dua negara telah pun mengemukakan kes masing-masing dan mematuhi keputusan tribunal.

Beliau mengakui beberapa isu tertunggak antara kedua-dua negara bukanlah suatu yang mudah untuk diselesaikan oleh pemimpin terdahulu dan yang ada sekarang.

Katanya, jika mereka berkehendakkan isu itu diselesaikan segera, mereka boleh melakukannya menerusi undang-undang dan triti.

Beliau tidak melihat suatu perkara spesifik yang perlu diselesaikan segera masa ini.